



Noor  
Mohamad  
Shakil  
Hameed

Tindakan pihak kerajaan menggubal Rang Undang-undang Keselahan Yang Berhubungan Dengan Anugerah 2016 wajar disokong oleh semua pihak. Hal ini kerana ia dilihat satu langkah yang cukup signifikan bagi menangani kes melibatkan anugerah kebesaran palsu yang berlarutan sejak bertahun-tahun lamanya.

Rang undang-undang itu yang dibacakan untuk kali pertama dalam sidang Dewan Rakyat baru-baru ini mencadangkan individu disabitkan kesalahan melibatkan penerimaan dan penggunaan anugerah kebesaran tidak diiktiraf boleh dipenjara sehingga tiga tahun. Selain itu, hukuman denda maksimum RM10,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali turut dicadangkan bagi individu disabitkan kesalahan lain yang berkaitan seperti menghadiri istiadat pengurniaan serta membuat atau memiliki lambang kebesaran. Turut menjadi kesalahan perbuatan menerima dan menggunakan anugerah asing daripada ketua negara yang tidak diiktiraf. Rang undang-undang itu juga menetapkan, setiap warganegara kecuali raja-raja dan permaisuri serta Yang Dipertua Negeri dan pasangan mereka hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis Yang di-Pertuan Agong sebelum menerima anugerah asing. Individu yang disabitkan kesalahan menerima dan menggunakan anugerah asing tidak diiktiraf boleh didenda tidak melebihi RM500,000.

Penulis melihat ini satu langkah pencegahan yang cukup komprehensif dan wajar dikuatkuasakan dengan segera memandangkan terlalu banyak kontroversi tercetus berkaitan isu anugerah dan pingat palsu sehingga mengelirukan dan membimbangkan masyarakat. Seperti yang didebak oleh pihak media selama ini, antara kontroversi yang masih segar dalam ingatan kita ialah melibatkan beberapa individu yang

mengaku Sultan Melaka, wanita tukang urut mendakwa sebagai Raja Kerinchi Tinggi Sumatera, Indonesia atau Bonda Ratu, Kesultanan Sulu yang dianugerahkan oleh Jamalul Kiram III, keturunan Naning dan Raja Sukakata, Paku Buwono XII. Lebih teruk lagi apabila ada individu yang sanggup membayar sehingga RM100,000 semata-mata untuk mendapatkan pelbagai gelaran seperti Datuk Seri daripada pihak yang tidak diiktiraf itu.

Walaupun pendedahan demi pendedahan dibuat, namun dilihat masih ramai yang kemaruk gelaran dan sanggup buat apa saja untuk mendapatkan pengiktiran palsu seperti ini. Ini menyebabkan muncul terlalu banyak sindiket yang cuba mengambil kesempatan dan memperdaya mangsa yang kelihatan cukup terdesak, kemaruk dan mahukan gelaran. Hakikatnya masyarakat cukup terkejut apabila pihak media mendedahkan begitu banyak sindiket yang melakukan aktiviti jual beli gelaran palsu ini beroperasi di negara kita sekali gus mengaut keuntungan cukup besar kerana setiap satu gelaran itu dijual dengan harga yang berbeza dan cukup lumayan mengikut kategori gelaran. Apa yang pasti sekaran akibat daripada kegiatan seperti ini masyarakat sudah mula sangsi dan keliru dengan pelbagai gelaran yang dimiliki oleh sesetengah individu di negara ini yang kita tidak ketahui dari mana mereka peroleh gelaran tersebut dan adakah ia gelaran yang sah atau mahupun palsu serta dibeli daripada sindiket yang berkaitan.

Penulis melihat isu jual beli gelaran palsu dan juga lambakan gelaran ini muncul akibat daripada dua faktor utama iaitu pertama wujudnya sindiket terancang yang memanipulasi pihak tertentu untuk mengaut keuntungan dengan melakukan urus niaga jual beli gelaran palsu. Faktor kedua pula berpuncak daripada tindakan beberapa individu yang tampil mengaku diri sebagai sultan dan juga kerabat diraja yang tidak pernah diiktiraf oleh pihak kerajaan, kemudian mula

menganugerahkan pelbagai gelaran atas kapasiti diri masing-masing yang diangkat sebagai sultan mahupun raja. Tindak tanduk seperti ini akhirnya

>>Biarlah pangkat, kedudukan, kuasa dan gelaran ini datang mencari kita atau orang anugerahkan kepada kita sebagai pengiktiran bukannya kita yang kemaruk mencari dan sanggup membayar untuk dapatannya

HARIAN METRO

HARIAN METRO



## Anugerah palsu kelirukan semua

menyebabkan nilai dan kedudukan sesebuah anugerah mahupun gelaran itu sudah mula dipersoalkan dan dipertikaikan oleh masyarakat. Ini sekali gus bukan saja menjatuhkan kedudukan gelaran yang sah yang dianugerahkan oleh pihak istana, tetapi juga turut mencemarkan institusi diraja dan istana secara keseluruhannya.

Dalam konteks ini ada dua kemungkinan sering berlaku iaitu pertama gelaran itu sememangnya palsu dan sindiket ini menipu individu membelinya. Satu lagi senario kemungkinan gelaran itu sah, tetapi ia dianugerahkan secara pintu belakang dengan cara aktiviti jual beli dan penyelewengan dihalangi oleh individu yang

mungkin ada hubung kait dengan istana di mana mereka menyalah guna kedudukan untuk mengaut keuntungan.

Apapun bagi penulis ia sangat berkait rapat dengan hukum alam iaitu sesuatu urus niaga itu tidak akan berlaku andai tidak ada unsur penawaran dan juga permintaan. Menyedari hakikat betapa sebilangan

rakyat kita agak kemaruk untuk mendapatkan anugerah, penghormatan dan gelaran maka muncul sindiket yang mengambil kesempatan ke atas orang-orang yang tamak dan kemaruk seperti ini.

Tambahan pula orang yang kemaruk seperti ini sanggup membayar apa jua jumlah bayaran yang dikenakan oleh

sindiket ini asalkan matlamat mereka memiliki gelaran itu tercapai. Malah, oleh kerana terlalu kemaruk dan taasub mereka juga tidak menyiasat sama ada gelaran itu sah atau mahupun palsu.

Justeru, kita berharap agar rakyat kita yang kemaruk gelaran ini akan insaf dan sedar. Sedarlah betapa gelaran palsu itu tidak akan bertahan lama. Lambat laun pihak berkuasa dapat hidu juga asal usul gelaran yang kita miliki ini. Biarlah pangkat, kedudukan, kuasa dan gelaran ini datang mencari kita atau orang anugerahkan kepada kita sebagai pengiktiran atas sumbangan kita selama ini

dan bukannya kita yang kemaruk mencari dia dan sanggup membayar untuk mendapatkannya.

Bagi yang rasa-rasa dirinya ditipu oleh sindiket jual beli gelaran ini serta ragu-ragu dengan gelaran yang digunakan pakai selama ini eloklah segera merujuk pihak berkuasa mahupun pihak berkenaan untuk tujuan pengesahan. Bayangkan betapa malunya kita kelak andai ada pihak yang mengetahui kita miliki gelaran palsu ataupun tahu kita membeli gelaran itu.

Semoga pendedahan demi pendedahan tentang aktiviti seperti ini akan menyedarkan rakyat kita yang mungkin

sedang memasang impian untuk mendapatkan gelaran dengan cara yang tidak betul. Gejala tidak sihat ini tidak boleh dibiarkan begitu saja. Kita berharap aktiviti tidak bermoral seperti ini dapat disekat dan dicegah dengan segera kerana khawatir pembeli anugerah palsu ini menyalah guna anugerah tersebut untuk pelbagai kepentingan peribadi. Diharap rang undang-undang baru ini dapat diluluskan dengan segera supaya sindiket ini dapat dipatahkan dan adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk kita menjaga dan memelihara imej dan nama baik institusi diraja di negara kita.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM